



TIMBALAN PERDANA MENTERI

28 FEBRUARI 2024

KENYATAAN MEDIA

OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) DI KAWASAN EMPANGAN

Saya dimaklumkan satu mesyuarat penyelarasan pengurusan bencana berkaitan kemarau yang diselaraskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang telah diadakan pada 15 Februari lepas. Mesyuarat ini bertujuan memperkasakan kesiapsagaan untuk menangani impak fenomena cuaca panas dan kering semasa peralihan Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka berterusan sehingga penghujung Mac 2024.

Merujuk kepada Kenyataan Media MetMalaysia (13 Februari), melaporkan semasa tempoh ini, taburan hujan akan berkurangan di kebanyakan tempat terutama di kawasan utara Semenanjung termasuk Perak, Pahang dan Kelantan.

Para hari ini OPA dilaksanakan atas permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui penyelarasan antara NADMA, MetMalaysia, dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM). Operasi ini akan dilaksanakan selama dua hari, bermula pada **27 hingga 28 Februari 2024** dan menyasarkan kawasan sekitar **Empangan Teluk Bahang dan Air Itam di Pulau Pinang dan Empangan Bukit Merah di Perak**. Ini adalah sebahagian tindakan awal bagi mengatasi penyusutan air di empangan tersebut. Setakat 28 Februari 2024, **peratus kapasiti air di Empangan Teluk Bahang sebanyak 80 peratus, di Empangan Air Itam sebanyak 37 peratus manakala Empangan Bukit Merah 80 peratus**.

Kejayaan OPA bergantung kepada keadaan atmosfera yang sesuai seperti kelembapan yang tinggi, kehadiran awan kumululus dan kelajuan angin yang lemah. Faktor-faktor ini membolehkan penghasilan hujan yang tepat di kawasan sasaran.

Bagi melaksanakan OPA pada hari ini, pesawat C-130 Hercules milik TUDM berlepas dari Pangkalan Udara TUDM Subang dengan membawa empat tangki air yang mengandungi campuran 800 kilogram garam dan 6,000 liter air yang disediakan oleh pihak MetMalaysia.

OPA yang dijalankan ini adalah sebahagian usaha yang diselaraskan oleh pihak NADMA bersama agensi-agensi yang terlibat dan selaku Pengerusi Bencana Pusat, saya bersetuju bahawa pelaksanaan OPA ini dibuat bagi menjamin sumber air mencukupi di kawasan tadahan hujan sepanjang tempoh negara berhadapan dengan cuaca panas dan kering.

Kerajaan negeri yang memerlukan bantuan bagi menjalankan operasi ini boleh mengemukakan cadangan kepada pihak NADMA untuk dibuat penilaian. Kesesuaian lokasi dan ramalan keadaan atmosfera di kawasan cadangan perlu dikaji terlebih dahulu oleh MetMalaysia bagi menjamin kejayaan OPA.

Harapan saya semoga usaha bersepadu yang dilaksanakan ini boleh membantu dalam meningkatkan kapasiti air di kawasan tadahan hujan dan seterusnya menjamin bekalan air dapat disalurkan kepada pengguna tanpa sebarang gangguan.

NASIHAT

Elak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka terutama di tanah gambut untuk menghindari pencemaran udara (jerebu).

Bagi golongan yang berisiko terkena stroke haba dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti di luar rumah, minum air kosong secukupnya dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang perlu. Dapatkan maklumat kekal sihat bagi musim panas yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagi maklumat berkenaan cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi myCuaca di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari METMalaysia.

Masyarakat diingatkan untuk peka serta patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga.

Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

"MALAYSIA MADANI SIAGA BENCANA"

Ahmad Zahid Hamidi

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi Jawatankuasa pengurusan Bencana Pusat (JPBP)